



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 JLD4 (10)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

MOTAC LAKSANA OPERASI PENGUATKUASAAN PEMATUHAN AKTA INDUSTRI PELANCONGAN 1992

25 Julai 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mengadakan beberapa siri operasi penguatkuasaan selama tiga (3) hari bermula dari 21 sehingga 23 Julai 2023 di lima (5) buah negeri iaitu Negeri Sembilan, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya selaras kehendak Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482].

Inisiatif ini berikutan terdapat peningkatan aduan daripada orang awam sebanyak dua (2) kali ganda ataupun 85% bagi setengah tahun 2023 berbanding tahun 2022 mengenai penipuan pakej pelancongan dan umrah, kesalahan dan ketidakpatuhan undang-undang di bawah kawal selia Kementerian ini.

Operasi penguatkuasaan ini dilaksanakan di kawasan-kawasan perniagaan yang menjadi tumpuan menjual pakej pelancongan dan tumpuan para pelancong seperti Pusat Transformasi Bandar (UTC) Shah Alam, Terminal Pelabuhan Klang, Plaza Tol Gombak di Selangor, Plaza Tol Sungai Besi, Istana Negara, Jalan Tun HS Lee, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, sekitar Bandaraya Ipoh, Hentian RNR Perah Gerik, Jeti Tasik Temenggor Gerik, Perak serta pameran pelancongan MATTA Fair Negeri Sembilan, sekitar daerah Seremban, Plaza Tol Port Dickson dan Plaza Tol Mambau, Negeri Sembilan.

Sebanyak 190 buah syarikat telah diperiksa dan 18 notis telah dikeluarkan bagi ketidakpatuhan-ketidakpatuhan di bawah Akta 482 iaitu:

- i) Seksyen 5(2) – pengusaha pelancongan yang tidak berlesen (3 notis dengan denda maksimum RM500,000.00 atau penjara maksimum 10 tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan berterusan, boleh, sebagai tambahan, didenda tidak melebihi RM5,000.00 bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan;

- ii) Peraturan 6(1)(i)(iii) – tidak menggunakan khidmat pemandu pelancong berlesen (10 notis dengan denda maksimum RM50,000.00 atau penjara maksimum 5 tahun atau kedua-duanya jika bersabit);
- iii) Seksyen 21/ Seksyen 32 – pemandu pelancong tidak berlesen/ menggunakan khidmat pemandu pelancong yang telah tamat tempoh lesen (4 notis dengan denda maksimum RM7,000.00 – RM50,000.00 atau penjara maksimum 2 - 3 tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh, sebagai tambahan, didenda tidak melebihi RM500.00 bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan; dan
- iv) Seksyen 20 – tidak menggunakan kenderaan persiaran (1 notis dengan denda maksimum RM20,000.00 atau penjara maksimum 2 tahun atau kedua-duanya jika bersabit).

Dilaksanakan dengan kerjasama rakan strategik MOTAC iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), operasi ini telah

berjaya menyita sebuah bas ekspres yang telah melanggar kesalahan Seksyen 20, Akta 482 kerana telah menyalahgunakan kenderaan selain kenderaan persiaran yang dilesenkan untuk membawa pelancong-pelancong.

MOTAC menyarankan agar rakyat Malaysia supaya sentiasa menyemak agensi pelancongan yang telah berdaftar dengan MOTAC melalui pautan <https://motac.gov.my/semakan> bagi mengelakkan daripada sebarang penipuan pembelian pakej pelancongan dan umrah serta kenderaan pelancongan yang tidak berlesen oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Di samping itu, MOTAC juga telah menyenaraikan senarai amaran entiti tidak berlesen yang menjual pakej pelancongan dan umrah meragukan serta sewaan kenderaan pelancongan melalui media sosial untuk sebaran dan kesedaran orang awam. Senarai ini juga boleh dicapai di pautan <https://www.motac.gov.my/semakan/senarai-entiti-syarikat-tidak-berlesen>.

MOTAC sentiasa komited dalam usaha mewujudkan dan mengawal selia industri pelancongan yang mapan, selamat dan telus. MOTAC juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih atas kerjasama strategik JPJ bersama dalam melaksanakan Sekatan Jalan Raya bagi operasi penguatkuasaan pematuhan Akta 482.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac